

15/10/1997

## Menyusun strategi hapus kemiskinan

TIDAK ada negara yang mahu terus-menerus membiarkan rakyat dan negaranya miskin. Kemiskinan akan menyebabkan keadaan politik sesebuah negara menjadi tidak stabil. Kemiskinan akan menyebabkan status negara menjadi rendah dan tidak dihormati. Masalah sosial dan rasuah juga sukar dibendung dalam sesebuah negara yang miskin. Rakyat juga mudah dihasut dengan pelbagai dakyah yang akan akhirnya menyukarkan kerajaan membuat sebarang perancangan. Paling buruk ialah berlaku rusuhan akibat kelaparan. Hakikatnya, kemiskinan adalah punca segala masalah. Namun, untuk keluar daripada belenggu kemiskinan, bukanlah perkara mudah. Ia memerlukan strategi dan perancangan jangka panjang yang berkesan. Ia juga memerlukan modal. Hanya dengan modal semua perancangan dapat digerakkan. Soalnya, bagaimana caranya negara miskin mampu mengumpul modal sedangkan sumber ekonomi mereka adalah terhad? Apakah negara berkenaan perlu terus-menerus mengharapkan bantuan luar atau menggerakkan sumber dan kekuatan sendiri?

Di rantau Asia Pasifik, masalah kemiskinan tidak terkecuali. Banyak negara masih dihimpit masalah itu. Ramai rakyat yang hidup menderita dan tidak kurang juga menghadapi masalah penyakit dan kebuluran. Pembangunan tidak dapat dijalankan dan pelabur juga enggan memasuki pasaran kerana bimbang modal yang dilabur di negara berkenaan akan lesap begitu saja. Sistem bank juga tidak dapat berfungsi dengan baik sedangkan bank adalah satu elemen penting dalam penyaluran modal. Negara berkenaan juga sukar melakukan sesuatu untuk melepasi paras kemiskinan akibat tekanan negara maju yang mengambil kesempatan daripada kedaifan yang dialami negara itu. Walaupun ada usaha dilakukan untuk membaiki taraf hidup rakyat di Asia Pasifik, pergerakannya begitu perlahan.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan negara Asia Pasifik menggerakkan sumber kewangan dalaman untuk menghapuskan kemiskinan di negara masing-masing. Secara prinsipnya, apa yang cuba ditegaskan oleh Dr Mahathir ialah menggalakkan setiap negara berusaha sendiri tanpa perlu bergantung kepada institusi antarabangsa untuk menghapuskan kemiskinan di negara mereka. Secara khususnya, Dr Mahathir mahukan negara berkenaan mempunyai satu tabung khas yang boleh digunakan untuk membantu rakyat meningkatkan taraf hidup. Hari ini, banyak negara yang terpaksa mengharapkan bantuan negara kaya atau institusi kewangan luar. Kita tidak hairan negara miskin yang memerlukan, modal mendapat bantuan daripada negara kaya dan institusi berkenaan. Negara miskin mungkin dibantu atas dasar peri kemanusiaan tetapi tidak kurang juga yang mempunyai matlamat tersendiri. Kita juga perlu tahu apakah dasar ekonomi atau perhubungan luar negara penyumbang. Apakah mereka menghulurkan bantuan secara ikhlas atau sengaja menjadikan negara miskin sebagai umpan supaya tunduk kepada arahan negara kaya dan institusi kewangan sama ada menindas atau menjajah cara baru. Negara miskin ini akan menjadi lebih terhimpit apabila berlaku tekanan ekonomi sebagaimana sekarang.

Jika pinjaman yang diperolehi, negara peminjam terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi terutamanya apabila nilai mata wang negara berkenaan menjadi lemah.

Keadaan akan bertambah parah jika bantuan diberikan dalam bentuk modal. Pemberian modal memerlukan syarat yang ditetapkan. Sebagai balasan, negara kaya biasanya diberi keutamaan dalam pelbagai projek pembangunan di negara miskin. Mereka juga tidak dibenarkan melakukan sesuatu di luar kehendak

negara kaya. Negara miskin diugut dengan pelbagai cara seandainya cuba menentang dasar negara kaya.

Untuk mengelakkan keadaan seperti ini berpanjangan, mereka seharusnya menerima pakai cadangan Dr Mahathir supaya mewujudkan tabungan sendiri, terutama institusi kewangan mikro (MFI) yang berfokuskan usaha membasmi kemiskinan. Tanpa tabungan sendiri, negara berkenaan tidak seharusnya bermimpi untuk berdikari. Apa yang kita bimbangkan, tanpa tabungan akan menyebabkan negara hilang maruah dan terus menjadi negara peminta sedekah.

Wang daripada tabungan berkenaan boleh digunakan bukan saja sebagai modal untuk projek yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat tetapi juga untuk tujuan penyelidikan. Wang itu juga boleh digunakan untuk melantik pakar yang boleh membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. Kita berpendapat penubuhan tabungan itu adalah satu tindakan praktikal dan mampu dilakukan oleh mana-mana negara sekalipun. Tentunya kita harapkan satu demi satu negara di rantau Asia Pasifik bebas daripada belenggu kemiskinan dan seterusnya membantu negara lain yang memerlukan.

(END)